



Perkembangan Perundangan Jenayah Syariah Di Selangor: Sorotan Bidang Kuasa, Kekangan Dan Peranan Agensi Pentadbiran

Perundangan Jenayah Syariah

The Evolution of Shariah Criminal Legislation in Selangor: A Review of Jurisdictional Scope, Constraints, and the Role of Administrative Agencies

30

Submitted: 28 August 2024

Revised: 29 April 2025

Accepted: 29 April 2025

E-Published: 30 April 2025

AZIZAH MAT RASHID

(Corresponding author)

Jabatan Undang-undang

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Universiti Islam Selangor

azizahrashid@uis.edu.my

NORA'INAN BAHARI

Jabatan Syariah

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Universiti Islam Selangor

norainan@uis.edu.my

ZANARIAH DIMON

Jabatan Undang-undang

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Universiti Islam Selangor

zanariah@uis.edu.my

TUAN ZAINOR RASHID HASSIN

Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-undang, Jabatan Peguam Negara

zainor.rashid@agc.gov.my

ABSTRAK

Perkembangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat, iaitu zaman Kesultanan Melayu, penjajahan British, awal kemerdekaan, dan pasca kemerdekaan. Setiap peringkat tersebut memberi impak yang besar terhadap perkembangan undang-undang Islam, terutamanya dalam bidang kuasa jenayah Islam di Malaysia pada masa kini. Artikel ini bertujuan untuk meninjau perkembangan undang-undang jenayah Islam yang telah mengalami perubahan signifikan sejak pemerintahan kolonial British. Metodologi yang digunakan adalah kualitatif dengan pendekatan





analisis kandungan, di mana data dikumpulkan dan dianalisis melalui dokumen undang-undang, kajian kes, dan sumber lain untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai perkembangan undang-undang jenayah Islam. Hasil kajian mendapati bahawa perkembangan undang-undang jenayah syariah bukan sahaja melibatkan pengkanunan undang-undang, tetapi juga merangkumi aspek pentadbiran undang-undang jenayah Islam. Kajian ini memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai perkembangan undang-undang jenayah syariah, kekangan yang dihadapi, serta peranan agensi pentadbiran dalam mencadangkan penambahbaikan kepada sistem undang-undang jenayah syariah di Malaysia.

Kata Kunci: Perundangan Jenayah Syariah, Bidang Kuasa, Kekangan, Agensi Pentadbiran

ABSTRACT

The development of Islamic criminal law in Malaysia can be divided into several stages which are the era of the Malay sultanate, the era of British colonialism, the early days of independence and the era after independence. Each of these phases has had a significant impact on the evolution of Islamic law, particularly in terms of the jurisdiction of Islamic criminal law in Malaysia today. This article aims to review the development of Islamic criminal law, which has undergone significant changes since the British colonial administration. A qualitative methodology with content analysis was employed to collect and analyze data from legal documents, case studies, and other sources to gain a deeper understanding of the development of Islamic criminal law. The findings reveal that the development of Syariah criminal law involves not only the codification of laws but also the administration of Islamic criminal law. This study is important for gaining a clearer understanding of the development of Syariah criminal law, the constraints faced, and the role of administrative agencies in suggesting improvements to the Islamic criminal law system in Malaysia.

Keywords: Syariah Criminal Law, Jurisdiction, Constraints, Administrative Agencies

PENGENALAN

Sejarah membuktikan bahawa penjajahan British di Tanah Melayu pada satu ketika dahulu telah memberikan kesan yang sangat besar kepada sistem perundangan negara. Semasa era penjajahan tersebut, Tanah Melayu telah mengalami perkembangan perundangan yang sangat besar iaitu pemakaian undang-undang Islam telah mula disempitkan setelah penerimaan undang-undang Inggeris. Pengiktirafan kepada undang-undang sivil sebagai undang-undang am di Tanah Melayu telah membataskan bidang kuasa undang-undang Islam hanya dalam aspek undang-undang diri (*personal law*). Pemakaiannya juga terhad kepada orang Islam dalam bidang kekeluargaan, kesalahan agama dan amalan agama sahaja. Kesan penjajahan pula lebih ketara dalam konteks perundangan jenayah syariah iaitu melalui had bidang kuasa dan bentuk hukuman bagi pesalah syariah. Perkembangan dan perubahan terhadap perundangan jenayah syariah adalah melalui beberapa



fasa iaitu zaman Kesultanan Melayu, zaman penjajahan British dan selepas kemerdekaan sehinggalah sekarang (Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, 1992). Secara keseluruhannya, perkembangan perundangan jenayah syariah yang berlaku menunjukkan perkembangan positif ke arah mewujudkan perundangan yang lebih kemas dan teratur walaupun perkembangannya agak perlahan berbanding undang-undang sivil.

Penulisan ini bertujuan menjelaskan tentang perkembangan secara beransur-ansur yang berlaku pada perundangan jenayah syariah di Selangor secara khususnya. Selain itu, ia bertujuan untuk mengenal pasti bidang kuasa undang-undang dan agensi pentadbiran jenayah syariah yang terlibat serta isu-isu dan permasalahan berkaitan pelaksanaan undang-undang jenayah syariah. Penghayatan terhadap sejarah dan perkembangan perundangan syariah adalah signifikan bagi memahami objektif pensyariaan perundangan Islam dan pelaksanaannya pada masa kini. Ini kerana pengabaian terhadap fakta sejarah akan mengakibatkan kefahaman yang salah dalam memahami perundangan Islam pada masa kini (Wan Ahmad Fauzi et.al, 2017). Justeru, perbincangan mengenai perkembangan undang-undang jenayah syariah, bidang kuasa dan agensi pentadbirannya dapat mengenal pasti kekangan dan permasalahan serta langkah-langkah penambahbaikannya.

PERKEMBANGAN PERUNDANGAN JENAYAH SYARIAH SELANGOR

Undang-undang adalah sesuatu yang hidup dan seharusnya berkembang mengikut keperluan, kemajuan dan pencapaian semasa sesebuah masyarakat. Hal ini dinyatakan oleh Abdul Monir Yaacob (2009) yang merujuk kepada kaedah fiqh, "hukum itu berubah dengan perubahan masa, keadaan dan tempat". Justeru, menelusuri sejarah perkembangan perundangan syariah di Malaysia, perubahan yang berlaku menunjukkan perkembangan dan pencapaian yang positif dari sudut undang-undang khususnya di Selangor. Negeri Selangor merupakan antara negeri yang menjadi pelopor dalam sesuatu proses penggubalan dan transformasi undang-undang Islam. Undang-undang pentadbiran induk yang terawal digubal adalah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3 tahun 1952 dan mula dikuatkuasakan pada 5 Disember 1952 (Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, 1992). Enakmen ini adalah undang-undang yang pertama memperuntukkan semua bidang kuasa undang-undang Islam dalam ruang lingkup undang-undang kekeluargaan, penubuhan dan bidang kuasa institusi pentadbiran agama Islam seperti Mahkamah Syariah dan Majlis Agama Islam serta peruntukan kesalahan dan hukuman terhadap salah laku dan pelanggaran agama bagi orang-orang Islam. Penggubalan undang-undang di Selangor kemudiannya diikuti oleh negeri-negeri lain.

Pada zaman awal kemerdekaan Tanah Melayu, hampir keseluruhan negeri mempunyai undang-undang Islam meliputi undang-undang pentadbiran agama Islam, undang-undang kesalahan jenayah syariah, undang-undang tatacara jenayah syariah dan undang-undang keterangan mahkamah syariah berbanding zaman sebelum kemerdekaan yang menghimpunkan kesemua bidang kuasa dalam satu undang-undang induk. Pencapaian ini boleh dilihat dalam sejarah perkembangan



undang-undang di Tanah Melayu iaitu pada zaman Kesultanan Melayu, semasa penjajahan British dan selepas kemerdekaan.

Zaman Kesultanan Melayu

Pelaksanaan undang-undang jenayah Islam diterima dan berkembang di rantau Asia Tenggara seawal abad ketujuh Masihi. Tanah Melayu, khususnya Melaka merupakan antara lokasi terawal yang menjadi tumpuan dan menerima Islam iaitu pada tahun 1409 masihi. Undang-undang Islam telah dilaksanakan melalui beberapa peruntukan dalam Hukum Kanun Melaka yang diakui berasaskan ajaran Islam khususnya mazhab Syafie, memiliki elemen undang-undang adat dan berteraskan bangsa Melayu (Shellabear, W.G, 1896). Pengkanunan undang-undang yang berasaskan prinsip perundangan Islam pada zaman Melaka telah mempengaruhi perkembangan dan penggubalan undang-undang Islam di negeri-negeri Melayu yang lain khususnya selepas kejatuhan empayar kesultanan Melaka. Undang-undang Islam seperti Undang-undang Pahang, Undang-undang 99 Perak dan Undang-undang Kedah telah menjadi bukti bahawa pemerintah Islam pada zaman tersebut telah berusaha untuk mengkanunkan undang-undang berteraskan hukum syarak secara sistematik di samping rujukan yang masih berterusan terhadap adat tempatan (Winstedt, R.O., t.t)

Teks undang-undang Melayu lama yang dikanunkan pada zaman Kesultanan Melayu hampir keseluruhannya mengandungi peruntukan mengenai kesalahan jenayah (Muhammad Yusof Hashim, 1989). Dari segi matan, kandungan Hukum Kanun Melaka didapati amat komprehensif dan menyeluruh kerana mengandungi segenap peruntukan berkaitan hudud, qisas, diyat, takzir, muamalat, undang-undang kekeluargaan, keterangan, tatacara dan pentadbiran serta syarat-syarat menjadi raja (Siti Zubaidah, 2017).

Oleh itu, jelas bahawa kewujudan undang-undang Islam pada zaman awal ini menjadi petunjuk kepada kemunculan tamadun Islam di Tanah Melayu, sekaligus membuktikan bahawa undang-undang Islam, terutamanya dalam bidang jenayah, telah diamalkan di negeri-negeri Melayu sebelum kedatangan penjajah British (Abdullah Alwi Hassan, 2000). Hal ini selaras dengan penghakiman yang dibuat oleh Ketua Hakim Braddel dalam kes *Shaikh Abdul Latif et al. lwn. Shaikh Elias Bux* (1915) 1 FSLR 204, yang menyatakan bahawa satu-satunya undang-undang yang diterima oleh masyarakat Melayu pada waktu itu ialah Undang-undang Muhammedan yang telah disesuaikan dengan adat tempatan. Pengiktirafan serupa juga dinyatakan dalam kes *Ramah lwn. Laton* (1927) 6 FMSLR 127, yang menegaskan bahawa undang-undang Islam bukanlah undang-undang asing, sebaliknya merupakan undang-undang tempatan yang diterima oleh masyarakat Melayu.

Zaman Penjajahan British

Pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah bukan sahaja diterima di Melaka tetapi turut diterima di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia pada zaman selepas itu (Hamid Jusoh, 2007). Walau bagaimanapun, dengan kemasukan British dan



penerimaan Undang-undang Inggeris, pemakaian undang-undang Islam mula terhad dan menjadi sempit. Banyak perubahan telah dibuat oleh British dalam usahanya untuk menguatkuasakan undang-undang Islam dalam bentuk undang-undang Inggeris atau teks undang-undang Eropah-Islam khususnya selepas Inggeris memperkenalkan Piagam Keadilan pada tahun 1807, 1826 dan 1855 di negeri-negeri Selat (Abdullah Alwi Hassan, 2000). Kesannya skop undang-undang Islam telah dibataskan pemakaiannya hanya kepada orang-orang Islam dan dalam bidang kuasa undang-undang diri sahaja. Penguatkuasaannya adalah melalui penggubalan statut dalam bentuk undang-undang Inggeris atau lebih dikenali sebagai undang-undang Inggeris bagi hal ehwal orang-orang Islam (Hooker, M.B., 1970).

Keadaan ini menjadi lebih kompleks apabila pihak British memperkenalkan sistem pentadbiran yang berbeza antara negeri-negeri di Semenanjung, dengan pengelompokan wilayah-wilayah tertentu ke dalam blok-blok tersendiri. Salah satu blok tersebut dikenali sebagai Negeri-negeri Selat, yang terdiri daripada Pulau Pinang, Melaka, dan Singapura. Blok kedua pula dikenali sebagai Negeri-negeri Bersekutu, yang merangkumi Selangor, Negeri Sembilan, Perak, dan Pahang, manakala blok ketiga adalah Negeri-negeri Tidak Bersekutu yang terdiri daripada Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, dan Johor. Perbezaan ini menyebabkan sistem perundangan yang diperkenalkan di setiap wilayah berbeza antara satu sama lain, meskipun secara umum terdapat persamaan dalam struktur dan penyusunan undang-undang tersebut, termasuk yang berkaitan dengan undang-undang jenayah Islam (Hamid Jusoh, 2007).

Semasa pemerintahan British, undang-undang jenayah Islam dikenali dengan istilah Muhammedan (Offences) Laws. Sebagai contoh, Enakmen Undang-undang Orang-orang Islam, Bab 198 (Muhammedan Laws Enactment, Chapter 198) diperkenalkan di negeri-negeri seperti Selangor, Pahang, dan Negeri Sembilan. Pada tahun 1937, undang-undang ini dimansuhkan dan digantikan dengan undang-undang baru yang dikenali sebagai Enakmen (Kesalahan-kesalahan) Orang-orang Islam, 1937 (Muhammedan (Offences) Enactment 1937). Di Selangor, enakmen ini dikenali sebagai Enakmen (Kesalahan-kesalahan) Orang-orang Islam, 1938 (Muhammedan (Offences) Enactment 1938) (Siti Zalikhah Md Nor, 2018).

Menurut enakmen-enakmen ini, khususnya bagi negeri-negeri Melayu Bersekutu, antara kesalahan yang diperkenalkan termasuk kegagalan menghadiri solat Jumaat di masjid, kegagalan menghantar anak-anak untuk pengajian al-Quran, penculikan wanita, zina dan khalwat, sumbang mahram, zina antara pasangan yang telah bercerai, pengajaran agama tanpa tauliah, menjual makanan pada bulan Ramadan, penerbitan berkaitan ajaran Islam tanpa permit, dan tidak berpuasa pada bulan Ramadan. Hukuman yang dikenakan termasuk penjara maksimum lima tahun untuk kes sumbang mahram, satu tahun penjara untuk kes zina, serta denda tidak melebihi RM500 terhadap lelaki yang terlibat. Bagi kes kegagalan menghadiri solat Jumaat, denda maksimum adalah RM5 (Mahmood Zuhdi, 1997).

Mahkamah yang berkuasa untuk membicarakan kes-kes ini bergantung kepada peruntukan dalam undang-undang tersebut, termasuk Mahkamah Penghulu,



Mahkamah Majistret, Mahkamah Agung, dan Mahkamah Kadi. Selain itu, dua orang Islam yang berilmu perlu dilantik sebagai assessor dalam kes-kes ini (Hamid Jusoh, 2007).

Menjelang kemerdekaan pada tahun 1950-an, terdapat perubahan signifikan dalam perkembangan undang-undang Islam di Tanah Melayu, khususnya melalui penggabungan semua bidang kuasa undang-undang Islam di bawah enakmen pentadbiran agama Islam atau enakmen pentadbiran hukum syarak. Enakmen ini memperuntukkan bahawa semua aspek perundangan Islam, termasuk undang-undang keluarga dan pentadbiran, serta kesalahan-kesalahan jenayah syariah, adalah di bawah bidang kuasa negeri, selaras dengan peruntukan yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan dalam statut negeri-negeri. Tujuan penggubalan undang-undang ini adalah untuk menyelaraskan pentadbiran undang-undang Islam di seluruh negeri supaya ia menjadi lebih sistematik dan teratur (Zaini Nasohah, 2004).

Menurut Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones (1992), undang-undang pentadbiran induk yang pertama kali digubal adalah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3 tahun 1952. Enakmen ini memperuntukkan bidang kuasa undang-undang Islam dalam ruang lingkup undang-undang kekeluargaan, penubuhan institusi pentadbiran agama Islam seperti Mahkamah Syariah dan Majlis Agama Islam, serta peruntukan mengenai kesalahan dan hukuman terhadap pelanggaran agama oleh orang Islam. Siti Zubaidah Ismail (2010) pula mencatatkan bahawa di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952, terdapat peruntukan di bawah Seksyen 166 yang menetapkan keperluan untuk memperoleh tauliah bagi mengajar agama kepada orang awam. Manakala, bagi mengawal penyebaran ajaran sesat, Enakmen 1952 juga memperuntukkan bahawa sesiapa yang mengajar atau mengadakan kegiatan yang bertentangan dengan Undang-undang Agama Islam boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tiga bulan atau denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit.

Zaman Selepas Kemerdekaan

Peringkat perkembangan undang-undang Islam selepas kemerdekaan boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu penggubalan enakmen pentadbiran agama Islam yang mengandungi semua bidang kuasa undang-undang Islam. Manakala perkembangan seterusnya adalah pengasingan bidang kuasa undang-undang Islam dalam enakmen-enakmen yang berasingan lebih khusus dan kemas (Zanariah Dimon, 2021).

Penggabungan Semua Undang-undang Islam dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam

Pada awal menjelang kemerdekaan, terutamanya pada dekad 1950-an, telah berlaku perubahan signifikan dalam perkembangan undang-undang Islam di Tanah Melayu, yang ditandai dengan penggabungan semua perundangan Islam di bawah enakmen pentadbiran agama Islam. Setiap negeri di Tanah Melayu menggubal undang-undang



yang dikenali sebagai enakmen pentadbiran agama Islam atau enakmen pentadbiran hukum syarak, yang memperuntukkan bahawa semua aspek perundangan Islam, termasuk undang-undang kekeluargaan dan undang-undang pentadbiran, diletakkan di bawah bidang kuasa negeri, dengan pengecualian terhadap kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan dalam statut negeri-negeri tersebut (Zanariah Dimon, 2021).

Menurut Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones, 1992, Selangor telah menggubal undang-undang pentadbiran yang pertama dikenali sebagai Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3 tahun 1952 dan dikuatkuasakan pada 5 Disember 1952 diikuti dengan penggubalan enakmen sama di negeri-negeri lain seperti berikut:

1. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Terengganu 1955
2. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang 1956
3. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Melaka 1959
4. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang 1959
5. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Sembilan 1960
6. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah 1962
7. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis 1964
8. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perak 1965
9. Undang-undang Mahkamah Syariah dan Hal ehwal Perkahwinan Islam Kelantan dan Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Kelantan 1966
10. Enakmen Pentadbiran Hukum syarak Sabah 1977
11. Ordinan Majlis Islam (Penubuhan) Sarawak 1954
12. Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Johor 1978
13. Enakmen Pentadbiran Hukum syarak Wilayah Persekutuan 1974

Walaupun terdapat ketidakseragaman dalam peruntukan undang-undang Islam yang terkandung dalam enakmen-enakmen pentadbiran, kebanyakan negeri di Malaysia mengklasifikasikan enakmen tersebut mengikut beberapa kategori utama, antaranya:

- I. Permulaan
- II. Penubuhan Majlis Agama Islam
- III. Mahkamah Syariah dan Bidang Kuasa
- IV. Peruntukan Kewangan Baitulmal dan Zakat
- V. Pentadbiran Masjid
- VI. Perkahwinan dan Perceraian
- VII. Nafkah, Tanggungan, dan Hadanah
- VIII. Muallaf
- IX. Kesalahan-kesalahan
- X. Perkara-perkara Am

Secara keseluruhannya, enakmen-enakmen ini boleh dianggap sebagai langkah permulaan dalam usaha untuk menyusun pentadbiran undang-undang Islam yang lebih sistematik dan teratur di negara ini. Walau bagaimanapun, banyak peruntukan yang terkandung dalam enakmen-enakmen tersebut terlalu umum, tidak terperinci, dan kurang lengkap dari segi penghayatan hukum syarak, serta kedudukannya yang masih bercampur aduk. Enakmen-enakmen ini kekal digunakan sehingga akhir dekad



1980-an dan awal 1990-an, sebelum pentadbiran negeri-negeri memutuskan untuk memisahkan enakmen-enakmen tersebut kepada undang-undang Islam yang lebih khusus, mengikut bidang kuasa undang-undang Islam masing-masing (Zaini Nasohah, 2004).

Penggubalan bidang kuasa undang-undang Islam dalam enakmen-enakmen khusus dan berasingan

Perkembangan undang-undang Islam di Malaysia diteruskan dengan perubahan yang berlaku pada tahun 1980-an apabila negeri-negeri mengkaji semula undang-undang bagi orang Islam dengan tujuan menjadikannya lebih kemas dan berkesan. Hasilnya sesetengah negeri telah melaksanakan enakmen-enakmen baru sama ada sebagai pembaharuan kepada semua bahagian enakmen yang ada ataupun pengembangan kepada sesetengah peruntukan yang sebelumnya sudah ada dalam enakmen terdahulu (Mahmood, 1997).

Perubahan dan perkembangan undang-undang Islam di Malaysia berlaku secara beransur-ansur. Bahkan pada satu tempoh yang lama, langsung tiada perkembangan atau perubahan. Ada negeri dalam tempoh tiga puluh tahun tiada perkembangan yang penting berlaku. Enakmen Pentadbiran Hukum syarak Negeri Selangor 1952 hanya dipinda pada tahun 1989 dan dalam tempoh tersebut hanya bahagian mengenai perkahwinan telah dipinda dengan mengadakan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1984 (Abdul Monir Yaacob, 2009).

Seiring dengan perkembangan semasa dan situasi sosial yang berlaku pada waktu itu, langkah pertama yang diambil untuk memperbaiki pentadbiran undang-undang Islam di Mahkamah Syariah adalah dengan menyusun semula enakmen-enakmen yang berkaitan. Dalam konteks ini, usaha untuk memisahkan Mahkamah Syariah daripada Majlis Agama Islam telah dimulakan. Sebagai langkah pertama, negeri Selangor telah memperkenalkan perubahan menyeluruh dengan menggubal Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 (Mahmad Arifin et al., 2007), yang kemudiannya diikuti oleh negeri-negeri lain yang turut menggubal undang-undang yang serupa.

Manakala di peringkat kebangsaan, penubuhan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil pada tahun 1988 memainkan peranan penting dalam mengkaji dan memperbaharui undang-undang yang digunakan oleh Mahkamah Syariah. Tujuan utama penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk menyediakan rang undang-undang yang lebih kemas dan lengkap serta mengemaskini undang-undang sedia ada. Jawatankuasa ini berjaya menyemak dan meminda beberapa enakmen penting termasuk Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah, dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Hasilnya, beberapa enakmen baru seperti Enakmen Acara Mal Mahkamah Syariah, Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, Enakmen Wasiat, Wakaf, Zakat, dan Fitrah, telah digubal dan diterima pakai oleh negeri-negeri pada tahun 1990-an (Abdul Monir Yaakub, 2009).



Pada tahun 1990-an, perkembangan agresif dalam perundangan jenayah syariah telah dicatatkan, dengan negeri-negeri termasuk Selangor, menggubal enakmen jenayah syariah tersendiri, seperti Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 [Enakmen No. 9 Tahun 1995]. Selain itu, usaha pengemaskinian juga dilakukan terhadap undang-undang keterangan dan prosedur yang diterima pakai oleh Mahkamah Syariah. Sebagai contoh, peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak yang lama didapati amat ringkas dan tidak selaras dengan prinsip-prinsip Hukum Syarak. Oleh itu, rujukan kepada undang-undang acara dan keterangan yang diguna pakai di Mahkamah Sivil telah dibuat bagi memastikan kesesuaian dengan sistem perundangan Islam (Abdul Monir Yaakub, 2009).

Sejarah penggubalan undang-undang jenayah syariah di Malaysia juga mencatatkan bahawa beberapa enakmen telah disalin daripada Common Law dan disesuaikan dengan prinsip-prinsip syariah. Contohnya, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (ETJS) dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (EKMS) yang diperkenalkan di Selangor melalui Kanun Acara Jenayah Syariah (Selangor) 1991, yang kemudiannya dipinda menjadi Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 pada tahun 2003 (Suhaizad Saifuddin et. al, 2020).

Pada tahun 2003, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 telah digantikan dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003. Beberapa pindaan penting telah dilaksanakan, antaranya penyusunan semula Mahkamah Syariah dan penubuhan jawatan-jawatan hakim Mahkamah Syariah, termasuk ketua hakim Syarie. Ciri utama enakmen baru ini adalah pemisahan undang-undang substantif berkaitan dengan kekeluargaan, jenayah Islam, wakaf, wasiat, prosedur, keterangan, dan sebagainya ke dalam enakmen atau akta yang berasingan. Oleh itu, pada masa kini, undang-undang yang berkaitan telah disusun dengan lebih teratur, dengan kategori bidang kuasa yang khusus seperti undang-undang keluarga, undang-undang acara mal dan jenayah, serta undang-undang keterangan Islam (Abdul Monir Yaakub, 2009).

BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH BERKAITAN JENAYAH

Bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam aspek jenayah di Malaysia, khususnya di bawah peruntukan undang-undang negeri telah mengalami pelbagai perubahan penting yang perlu dilihat dalam konteks perundangan negara ini. Perkara pertama yang perlu difahami adalah kuasa yang diberikan kepada negeri-negeri dalam menggubal undang-undang di bawah Butiran 1 (Senarai Negeri) dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, yang memberikan mandat kepada negeri-negeri untuk menggubal undang-undang dalam pelbagai bidang, termasuklah perundangan syariah. Bagaimanapun, sebarang percanggahan terhadap had kuasa ini, seperti yang termaktub dalam Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan, boleh menyebabkan mana-mana undang-undang yang dibuat terbatal jika ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Contoh yang relevan adalah kes *Iki Putra Mubarrak Iwn. Kerajaan Negeri Selangor & Lain-Lain* 348 [2021] 3 MLRA, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah



(Selangor) 1995 adalah tidak berperlembagaan dan terbatal kerana ia bertentangan dengan peruntukan dalam Seksyen 377 dan 377A Kanun Keseksaan.

Sehubungan dengan itu, Mahkamah Syariah di Malaysia telah diberikan bidang kuasa jenayah yang jelas dalam beberapa enakmen, antaranya melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003. Sebagai contoh, seksyen 61 dan 62 enakmen tersebut memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah mempunyai kuasa untuk membicarakan kesalahan yang dilakukan oleh individu Islam, khususnya di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, serta kesalahan-kesalahan yang terdapat dalam undang-undang bertulis lain seperti Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Secara keseluruhan, undang-undang jenayah syariah yang termaktub dalam enakmen-enakmen ini merangkumi kesalahan berkaitan akidah, kesucian agama Islam, institusinya, kesusilaan, dan pelbagai kesalahan lain yang berkaitan dengan pelanggaran hukum syarak. Walau bagaimanapun, bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia dalam hal ini amat terhad jika dibandingkan dengan Mahkamah Sivil. Hal ini disebabkan oleh Akta Mahkamah Syariah Bidang Kuasa Jenayah 1965 (Pindaan 1984), yang menetapkan bahawa hukuman yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Syariah adalah terhad kepada penjara tidak melebihi tiga tahun, denda tidak lebih RM5000, atau sebat tidak melebihi enam kali sebatan, atau gabungan hukuman-hukuman tersebut. Bidang kuasa ini, meskipun relevan dalam konteks perundangan Islam, masih terlalu rendah jika dibandingkan dengan Akta Mahkamah Majistret 1948 yang memberi kuasa kepada Mahkamah Majistret Kelas Pertama untuk menjatuhkan hukuman penjara sehingga sepuluh tahun atau rotan 12 kali atau gabungan kedua-dua hukuman tersebut.

Oleh yang demikian, untuk memastikan keberkesanan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah, adalah penting bagi Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 pindaan 1984 untuk dikaji semula dan dipinda. Sebagai contoh, cadangan untuk menaikkan had maksimum hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah kepada penjara sehingga 30 tahun, denda tidak lebih RM100,000, atau sebatan syarie sehingga 100 kali, atau gabungan hukuman tersebut, adalah satu langkah yang wajar dan praktikal. Pindaan ini akan memperkasakan peranan Mahkamah Syariah dalam sistem perundangan negara dan membantu mengatasi kes-kes jenayah syariah yang melibatkan umat Islam di Malaysia.

Berdasarkan perspektif Zaini Nasohah (2018), tujuan utama hukuman dalam perundangan jenayah syariah adalah untuk menegakkan keadilan serta mengawal keselamatan, kehormatan, dan moral manusia, yang dikenali sebagai lima perkara wajib yang mesti dijaga dalam Islam: agama, akal, nyawa, keturunan, dan harta benda. Oleh itu, pemerkasaan hukuman dalam Mahkamah Syariah melalui pindaan undang-undang ini bukan sahaja akan mengimbangi jurang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, tetapi juga akan meningkatkan keberkesanan sistem keadilan syariah dalam masyarakat Malaysia secara keseluruhan.



AGENSI PENTADBIRAN JENAYAH SYARIAH

Kewujudan undang-undang ini tidak akan bermakna tanpa kewujudan agensi-agensi pelaksana yang mantap dan cekap seperti penguatkuasaan, pendakwaan dan mahkamah yang saling memerlukan antara satu sama lain bagi menegakkan keadilan. Dalam konteks penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Selangor, sudah tentu Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS) dan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) merupakan agensi penting yang mempunyai peranan besar dalam agenda pencegahan dan keadilan berkaitan jenayah syariah di Selangor.

Sehingga kini, telah banyak perubahan dan penambahbaikan telah dilakukan dari aspek pentadbiran perundangan Islam walaupun proses tersebut mengambil masa yang agak lama dan berlaku secara perlahan berbanding pentadbiran undang-undang sivil.

Merujuk kepada evolusi yang telah berlaku sebagaimana dicatatkan dalam portal rasmi Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (<http://jpss.gov.my/jpss/sejarah/>) Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Selangor sebelum ini terletak di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor. Mulai tahun 2007, Jabatan Agama Islam Selangor telah mula mengambil inisiatif untuk meletakkan struktur pengurusan penguatkuasaan dan pendakwaan syariah kepada dua bahagian berasingan bagi memantapkan keberkesanan tugas dan peranan kedua-dua bahagian yang mempunyai fungsi yang berbeza. Kemudian, usaha diteruskan dengan cadangan mengasingkan Bahagian Pendakwaan untuk dinaik taraf kepada satu jabatan yang berasingan adalah transformasi bagi memperkemas dan memperkukuhkan kedudukan institusi perundangan syariah negara amnya dan di selangor khususnya. Sebelum ini Kerajaan Negeri Selangor telahpun memisahkan dua institusi utama di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) iaitu Jabatan Mufti dan juga Mahkamah Syariah (dahulunya Mahkamah Qadhi). Berasaskan prinsip pengasingan kuasa, institusi kehakiman syariah telah dipisahkan secara rasminya daripada pentadbiran JAIS pada tahun 1991 dan kini dikenali sebagai Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Di peringkat Negeri Selangor, usaha ke arah pengasingan pendakwaan telah dibuat seawal tahun 2009 sehingga akhirnya, terpisah secara rasmi terpisah daripada JAIS pada April 2018.

Melihat kepada kepelbagaian isu yang timbul berkaitan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah, penulis berpandangan, bahagian penguatkuasaan juga perlu diperkemas dan dimantapkan agar dapat menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dengan lebih berkualiti dan berfokus. Penguatkuasaan yang tidak lancar, tidak cekap dan kurang menepati prosedur akan memberi kesan kepada kewibawaan pendakwaan serta persepsi negatif kepada perundangan jenayah syariah. Justeru, adalah lebih baik jika bahagian penguatkuasaan dikeluarkan daripada Jabatan Agama Islam dan dinaiktaraf kepada sebuah jabatan sebagaimana pendakwaan agar agenda pemerkasaan penguatkuasaan lebih berkesan seiring kewibawaan pendakwaan. Penguatkuasaan yang mantap akan



menyumbang kepada pendakwaan yang kukuh kerana kedua-duanya saling melengkapi dan memerlukan dalam menegakkan keadilan. Walau bagaimanapun, cadangan ini tertakluk kepada kajian dan penelitian khusus dari aspek implikasi perundangan agar pelaksanaannya tidak sewenang-wenangnya dicabar walaupun mempunyai justifikasi keperluan pengasingan yang kukuh.

Pengasingan ini diharap dapat memenuhi objektif pelaksanaan undang-undang jenayah syariah sebagaimana disebut Siti Zubaidah (2017) bahawa ia bertujuan bagi memastikan penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang Islam dapat dilaksanakan dengan lebih professional, cekap dan berkesan.

KEKANGAN DAN PERMASALAHAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH

Undang-undang jenayah syariah di peringkat negeri merangkumi dua komponen utama iaitu undang-undang substantif dan tatacara. Undang-undang substantif merujuk kepada perbuatan yang dikategorikan sebagai kesalahan seperti dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, manakala undang-undang tatacara seperti Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 menetapkan kaedah pelaksanaan dan proses pengadilan. Meskipun begitu, pelaksanaan undang-undang jenayah syariah masa kini berdepan pelbagai kekangan dari segi keusangan perundangan, ketidakselarasan antara negeri, kekaburan peruntukan, serta cabaran baharu akibat kemajuan teknologi.

Zaini Nasohah et al. (2022) menyatakan bahawa kebebasan negeri dalam menggubal undang-undang menyebabkan berlakunya perbezaan ketara dari segi matan, kategori kesalahan dan kadar hukuman. Sebagai contoh, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang telah digubal lebih dua dekad lalu dilihat tidak lagi sesuai dengan tuntutan semasa. Di negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) komited melakukan penambahbaikan terhadap undang-undang ini. MAIS telah menetapkan agenda penambahbaikan enakmen ini dalam Pelan Strategik MAIS 2020–2024. Penambahbaikan ini melibatkan kerjasama agensi-agensi berkaitan seperti JAIS, JAKESS dan JPSS, termasuk juga cadangan pemulihan serta hukuman alternatif terhadap pesalah syariah.

Sebahagian peruntukan sedia ada turut mengundang persoalan dari sudut perlembagaan dan kekaburan maksud. Dalam kes *Iki Putra Mubarrak lwn. Kerajaan Negeri Selangor & Anor* [2021] 1 MLRA, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa penggubalan seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, terdapat peruntukan yang terlalu umum seperti kesalahan “menggagalkan maksiat” dan peruntukan elemen kesalahan bagi “tujuan tidak bermoral” yang menyukarkan tindakan penguatkuasaan. Elemen “tempat awam” dalam beberapa kesalahan seperti lelaki berlagak seperti perempuan (seksyen 30) dan berkelakuan tidak sopan (seksyen 31) turut menimbulkan persoalan pelaksanaan, khususnya apabila kesalahan dilakukan di ruang siber atau media sosial



yang melangkaui sempadan geografi. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk memperkasa undang-undang agar selari dengan kemajuan sains dan teknologi.

Penggubalan undang-undang jenayah syariah sememangnya bertujuan melindungi maqasid syariah, termasuk menjaga nasab melalui larangan terhadap perbuatan mendekati zina seperti khalwat, pelacuran dan perbuatan tidak sopan. Dengan kemunculan teknologi seperti persenyawaan in vitro (IVF), perundangan sedia ada dilihat belum cukup mantap mengawal isu berkaitan penjagaan nasab. Kajian Ahmad Murad et al. (2014) mendapati bahawa meskipun terdapat kesedaran dalam kalangan pesakit dan doktor mengenai keharusan IVF antara pasangan suami isteri yang sah, masih wujud ketidaktahuan terhadap larangan-larangan seperti penggunaan benih sebelum perkahwinan atau selepas kematian suami. Maka, cadangan untuk memperuntukkan kesalahan terhadap sebarang penglibatan dalam penghasilan bayi melalui kaedah saintifik yang menyalahi hukum syarak dilihat relevan.

Seterusnya, penulisan ini menyarankan pemerkasaan Seksyen 12, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 berkaitan pelanggaran fatwa. Semua keputusan fatwa yang telah dikeluarkan perlu digazetkan supaya dapat dikuatkuasakan melalui undang-undang. Ini kerana tidak semua perbuatan yang bertentangan dengan fatwa dinyatakan secara khusus sebagai satu kesalahan dalam undang-undang.

Sehubungan itu, usaha penyeragaman undang-undang jenayah syariah antara negeri-negeri perlu dimulakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan menyediakan satu draf undang-undang yang komprehensif untuk diluluskan di Parlimen dan disesuaikan oleh setiap negeri. Medium yang tersedia seperti Majlis Raja-Raja dan MKI harus digunakan secara optimum. Penyeragaman ini penting untuk mengurangkan persepsi ketidakadilan akibat perbezaan antara negeri dan seterusnya memperkukuh kedudukan undang-undang Islam serta meningkatkan imej Islam di peringkat nasional dan antarabangsa (Zaini Nasohah et al., 2022).

Tambahan pula, menurut Fathin Shahirah Abd Rahim et al. (2018), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (ETJS) 2003 tidak memperuntukkan secara jelas soal penahanan reman dan tahanan melebihi 24 jam sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah. Suhaizad et al. (2020) pula membangkitkan isu kekaburan darjah pembuktian dalam ETJS kerana istilah seperti "tiada kes" atau "ada alasan" dalam peruntukan sedia ada terlalu umum dan menimbulkan pelbagai tafsiran. Ketiadaan standard ini mengakibatkan pendakwaan syarie tidak konsisten dari satu kes ke satu kes.

Dalam aspek penyiasatan, Mohamad Azhan Yahya dan Ahmad Azam Mohd Shariff (2022) pula menegaskan bahawa proses penggeledahan bahan bukti elektronik dalam kes jenayah syariah masih tidak jelas dan tidak disandarkan kepada prinsip syariah berhubung rangkaian jagaan dan kebolehterimaan keterangan digital. Oleh itu, pindaan terhadap seksyen 52 dan 63 ETJS dicadangkan supaya memasukkan garis panduan operasi semasa pengumpulan bahan bukti elektronik seperti penggunaan plastik sil, penandaan barang kes serta pengurusan peralatan digital.



Akhir sekali, dari sudut keterangan pakar, Zainul Rijal dan Hidayah Muhammad Hashim (2016) serta Ruzman (2020) menyatakan bahawa Mahkamah Syariah perlu menerima pakai undang-undang keterangan yang lebih mantap kerana amalan sedia ada terlalu umum. Antara isu yang timbul termasuk kekeliruan dalam menentukan kategori pakar, ruang lingkup kepakaran yang diiktiraf, serta ketiadaan standard rujukan atau kelayakan pakar yang jelas. Dalam konteks kes-kes yang semakin kompleks, permasalahan ini perlu ditangani segera agar proses pembuktian di Mahkamah Syariah dapat dijalankan dengan lebih adil, telus dan diyakini.

KESIMPULAN

Perkembangan perundangan jenayah syariah di Malaysia menunjukkan usaha yang konsisten dalam memperkukuhkan dan memperbaiki sistem perundangan Islam. Salah satu pencapaian penting adalah cadangan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang bertujuan untuk meningkatkan had bidang kuasa mahkamah syariah dalam menjatuhkan hukuman jenayah. Dengan peningkatan had hukuman ini, diharapkan dapat memperluaskan kuasa mahkamah syariah dalam menangani kes-kes jenayah syariah dengan lebih efektif. Namun, peningkatan tersebut turut membawa cabaran baru dalam hal penguatkuasaan dan pendakwaan yang memerlukan perhatian khusus.

Salah satu cabaran utama dalam perundangan jenayah syariah adalah kekangan dari segi sumber manusia yang terlatih, termasuk dalam kalangan penguatkuasa agama dan pendakwa syarie. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Zainul Rijal dan Hidayah Muhammad Hashim (2016), pentingnya penguatkuasaan yang cekap dan berkesan dalam memastikan sistem keadilan syariah dapat berjalan dengan lancar dan adil. Oleh itu, usaha meningkatkan keupayaan penguatkuasa dan pendakwa perlu diberi perhatian, termasuk dengan menyediakan latihan yang lebih baik, pendedahan yang lebih luas, dan sumber manusia yang mencukupi untuk menghadapi kes-kes yang semakin kompleks, terutama yang melibatkan teknologi moden dan media sosial.

Kes-kes jenayah syariah yang melibatkan ajaran sesat dan penggunaan platform digital juga menjadi cabaran besar dalam memastikan undang-undang syariah tetap relevan dengan perkembangan semasa. Dalam hal ini, disarankan agar Bahagian Penguatkuasaan dan Jabatan Pendakwaan menubuhkan unit-unit khas untuk mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan media sosial dan aplikasi teknologi. Ini penting untuk memastikan undang-undang syariah dapat terus diterapkan dalam situasi yang semakin berkembang dan kompleks.

Di samping itu, peningkatan dalam hukuman yang lebih berat dijangka akan menyebabkan tertuduh lebih cenderung untuk memilih perbicaraan, mengurangkan pengakuan bersalah dan menyebabkan beban lebih besar kepada pendakwaan. Oleh itu, penting bagi penguatkuasa dan pendakwa syarie untuk memiliki kemahiran penyiasatan dan pembuktian yang lebih baik agar sistem perundangan ini dapat berfungsi dengan efektif. Mahkamah juga perlu meningkatkan kemahiran



penghakiman bagi menangani kes-kes rayuan dan memastikan setiap keputusan yang dibuat adalah berasaskan bukti yang kukuh dan sah.

Secara keseluruhan, kejayaan memperkasa undang-undang jenayah syariah memerlukan kerjasama yang erat antara pelbagai pihak, termasuk penguatkuasaan, pendakwaan, dan masyarakat umum. Dalam hal ini, peranan masyarakat, termasuk imam masjid, ketua masyarakat, dan pengamal undang-undang, adalah amat penting dalam memastikan perundangan syariah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dengan usaha berterusan untuk memperbaiki kelemahan yang ada, sistem perundangan jenayah syariah di Malaysia dapat terus berkembang ke arah yang lebih positif dan relevan dengan kehendak semasa, seterusnya membawa manfaat kepada masyarakat dan negara.

RUJUKAN

- Abd Rahim, F. S., Yusof, W. & Ismail, N., 2018, Justifikasi Keperluan Penahanan Reman Menurut Perundangan Islam Dan Sivil, *Jurnal Fiqh*, No. 15 (2018) 87-116.
- Abu Bakar, Z. R. Muhammad Hashim, N., 2016. *Keistimewaan Islam dan Undang-undang Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- al-A'ttas, S. M. N., 1966. *Preliminary Statement on A General Theory of the The Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dimon, Z., 2021. Perkembangan Penyeragaman Undang-Undang Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri. International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSIAL 2021)-Online Conference 6 th APRIL 2021
- Hassan, A. A. 2000. *Pertumbuhan Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. dalam Mohd Taib Osman et al. (ed.) *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, A. & Joned, A., 1992. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, S. Z., 2017. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jusoh, H. dlm Husin, N., 2007. *Undang-undang Islam, Jenayah, Keterangan dan Prosedur*, Jilid 13, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M.B Hooker. 1970. *Reading in Malay Adat Law*. Singapore: University Malaya Press.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. 1997. *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya



- Mazida, F. N. dan Samudin, S. A., 2022. Keperluan Rang Undang-Undang 355: Analisis Terhadap Usul Persendirian Yang Berhormat Ahli Parlimen Marang, <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/60500/1/60500.pdf> (uitm.edu.my)
- Nasohah, Z., 2004. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Sebelum dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Nasohah, Z., 2018. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia: Peruntukan Akta dan Enakmen*, edisi kedua, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Nasohah, Z., Zakaria, Z. I., Mohd Kusrin, Z., 2022. Cabaran Penyeragaman Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia, *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 22 (Dec.) 2022.
- Nasri, M. S. & Md. Noor, R., 2020, Kategori Keterangan Pendapat Pakar Di Mahkamah Syariah: Isu Dan Cadangan Pelaksanaan Undang-Undang, *Journal of Shariah Law Research* (2020) Vol. 5 (1) 35-54.
- Saifuddin, S., Mohd Shariff, A. A., Md Said, M. H., Rajamanickam, R. & Tg. Zainudi, T. N. A., 2020. Pemakaian Beban dan Darjah Pembuktian dalam Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Suatu Analisis, *Akademika* 90(1), April 2020: 87-98.
- Samudin, S. A., 2022. Ulasan Buku Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah Di Malaysia, *Journal of Shariah Law Research* (2022) vol. 7 (1) 147-160.
- W.G. Shellabear. 1896. *Sejarah Melayu*. Singapura: The Malayan Publishing House.
- Wan Husain, W. A., Che Ngah, A., Omar Din, M. A. & Juid @ Md Lateh, H., 2017, *Journal of Nusantara Studies*, Vol 2(1) 27-39.
- Yaacob, A. M., 2009. Pelaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian, *Jurnal Fiqh*, No. 6 (2009) 1-20.
- Yahya, M. A., & Mohd Shariff, A. A., 2022. Proses Pengeledahan dalam Kes Jenayah Syariah: Analisis Kebolehterimaan Keterangan Dokumen Elektronik, *Journal of Muwafaqat*, Vol. 5 No. 2 (2022). 153-163.

KES-KES

- Iki Putra Mubarrak v. Kerajaan Negeri Selangor & Anor* [2021] 1 MLRA
- Ramah Iwn Laton* (1927) 6 FMSLR 127.
- Shaikh Abdul Latif et al. Iwn Shaikh Elias Bux* (1915)1 FSLR 204.